



BULAN BAHASA 2024 **MERAIKAN BELIA KITA**

Acara tahunan Bulan Bahasa akan berlangsung dari 17 Ogos hingga 13 Oktober 2024 dengan kalender yang padat terisi dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh masyarakat demi melestarikan bahasa ibunda. Tahun ini, Bulan Bahasa akan memberi penekanan terhadap golongan belia melalui beberapa program yang direka untuk menarik minat mereka dan meningkatkan keyakinan mereka menggunakan bahasa Melayu.

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa akan ditayangkan pada hari Sabtu, 7 September 2024, 8.30 malam di saluran Mediacorp Suria. Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) mengundang orang ramai, terutamanya golongan belia, untuk menghadiri sesi rakaman ini yang akan berlangsung di Mediacorp, pada Jumaat, 2 Ogos 2024. Pendaftaran bagi menghadiri sesi rakaman hendaklah dilakukan sebelum 22 Julai 2024 melalui pautan <https://go.gov.sg/bb24launchgen>.

MBMS dan Mediacorp Suria mengundang orang ramai untuk menghantar seni kata berkaitan dengan bahasa dan budaya Melayu yang dihasilkan sendiri berdasarkan klip muzik 30 saat yang digubah oleh Duta Bahasa, Megat Firdaus. Hantaran-hantaran paling menarik akan diketengahkan di Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2024.

“Tahun ini, kami ingin mengambil kesempatan sempena Bulan Bahasa untuk menggalakkan rakan-rakan kerjasama untuk terus menganjurkan program yang akan menarik penyertaan belia. Penting bagi belia kita untuk menghargai dan menggunakan bahasa ibunda mereka kerana ia membantu memupuk identiti mereka, dan membantu mereka berhubung dengan lebih baik bersama keluarga dan masyarakat. Pada tahun ini, kami juga menampilkan belia-belia dalam kalangan rakan-rakan kerjasama Bulan Bahasa yang akan menjalankan program bagi golongan belia. Kami berharap topik dan genre program mereka relevan bagi belia kita. Bulan Bahasa 2024 ialah sebuah platform bagi semua pihak untuk memperbaharui usaha penggunaan bahasa Melayu kita,” kata Encik Zhulkarnain Abdul Rahim, Pengurus Jawatankuasa Bulan Bahasa 2024.



Program Bulan Bahasa dari 17 Ogos hingga 13 Oktober

Pelbagai rakan kerjasama masyarakat, akar umbi, kumpulan seni, dan sekolah terus menganjurkan program-program sempena Bulan Bahasa 2024. Untuk kekal relevan bagi generasi muda, beberapa rakan kerjasama serta individu akan menganjurkan program-program melalui wadah digital. Diharapkan melalui program-program ini, belia akan rasa seronok menggunakan dan mempelajari bahasa Melayu.

Ikuti Hidayat Nordin dalam siri podcastnya, **Sapot!** yang akan muncul sekali lagi bagi siri kedua. Podcast ini akan mengetengahkan topik-topik berkisar kesenian, kebudayaan, kesusasteraan Melayu dan trend-trend terkini. Hidayat akan mengacarakan podcast ini bersama Shahril Samri dan Duta Bahasa Aqmal N di mana mereka akan bertukar-tukar pendapat dengan belia-belia undangan daripada ITE, politeknik dan universiti dalam beberapa episod.

Pelajari seni dikir barat melalui pertandingan **e-Rama Dikir** anjuran **Gabungan Kumpulan Dikir Barat Singapura** yang akan diadakan melalui wadah digital. Dalam pertandingan ini, mereka mengundang para pelajar untuk menghasilkan lirik lagu dan ragam dikir barat dalam bentuk video. Para peserta yang berjaya akan berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai.

Uji pengetahuan bahasa Melayu anda bersama pelajar yang menyertai **Cepat Tepat**, sebuah rancangan permainan yang disokong oleh **Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLPC)** dan Mediacorp. Tahun ini merupakan kali ketiga rancangan Cepat Tepat akan diadakan sempena Bulan Bahasa. Dalam rancangan ini, para pelajar dapat mengenali keindahan bahasa Melayu sambil berseronok melalui permainan yang dimainkan.

Dekatkan diri anda dengan bahasa Melayu dalam bengkel **Batik Bersama** anjuran **Kamal Arts**. Dalam bengkel ini, peserta akan mempelajari cara untuk melukis jenis-jenis bunga dari rantau ini. Peserta juga akan mempelajari istilah-istilah yang berkaitan dengan warna untuk menerangkan lukisan mereka. Melalui bengkel **Karya Komik** oleh **Kamal Arts** pula, peserta akan mempelajari cara melukis komik dan menghasilkan cerita komik dalam bahasa Melayu.



Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024

Sila layari mbms.sg, @bulanbahasa di Instagram dan facebook.com/majlisbahasa untuk kalender Bulan Bahasa 2024 yang lengkap.

Tayangan Majlis Pelancaran di Suria

Tahun ini, Majlis Pelancaran Bulan Bahasa akan menonjolkan golongan belia dan semangat mereka meraikan dan melestarikan bahasa Melayu. Saksikan mereka di saluran Mediacorp Suria, pada 8.30 malam, Sabtu, 7 September 2024 dan nikmatilah persembahan oleh penyanyi-penyanyi muda seperti Azra Zulaikha, Amira Fikriyah, Naufal Aiman dan Norshafiq Ridzwan. Muzik bagi majlis ini juga akan disusun dan diterajui oleh Duta Bahasa, Megat Firdaus.

Rakan Bahasa daripada sekolah rendah, sekolah menengah, maktab rendah dan universiti juga akan ditampilkan dalam segmen-segmen yang menarik dalam majlis ini.

Duta Bahasa 2024

MBMS melantik Duta Bahasa sebagai pengguna dan pencinta Bahasa Melayu. Individu-individu ini dipilih berdasarkan penguasaan dan minat mereka terhadap bahasa Melayu, serta pelibatan mereka dalam masyarakat.

Tahun ini, MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa akan melantik **Dr Fadzil Hamzah** sebagai Duta Bahasa.

Sila rujuk **Lampiran A** untuk biodata beliau dan senarai lengkap Duta Bahasa yang telah dilantik sebelum ini.

Keluarga Besar Duta Bahasa

Sejak 2010, lebih daripada 40 individu telah dilantik sebagai Duta Bahasa. Dikategorikan kepada lima kumpulan berdasarkan kepakaran, minat dan kerjaya mereka, Duta Bahasa yang dilantik ini mewakili pelbagai sektor pekerjaan dan bidang pekerjaan.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024



"Kami yakin bahawa semua Duta Bahasa terus aktif menyumbang kepada usaha penggalakan bahasa Melayu kita. Terdapat ramai dalam kalangan kita yang sayang kepada bahasa kita. Dari masa ke masa, kami terus menyumbang usaha dan masa dengan kerjasama kami dengan pelajar dan masyarakat. Jawatankuasa Bulan Bahasa akan terus bekerjasama rapat dengan semua Duta Bahasa untuk memperdalam dan mengukuhkan semua usaha penggalakan bahasa Melayu, dan saya berharap masyarakat kita akan terus memanfaatkan kepakaran bahasa dan minat mereka," kata Zhulkarnain Abdul Rahim.

"Saya terus menyebarkan kesedaran mengenai kesihatan melalui media sosial, melalui program bersama masyarakat dan penulisan artikel. Saya bangga menjadi seorang penutur bahasa Melayu dan saya ingin terus kongsi rasa cinta ini dengan semua orang sekeliling saya," kata Dr Jazlan Joosoph.

"Saya menggalas tugas Duta Bahasa ini dengan bangga sekali, dan menjalankan tugas dengan penuh semangat. Saya terus bekerjasama dengan pelajar kerana mereka adalah pelapis pengguna bahasa Melayu. Di media sosial, saya sering berkongsi gambar kegiatan bahasa dan kesusastraan yang saya ceburi, bersama hashtag saya, #dutaduties supaya semua orang boleh menyertai dan menyokong saya dalam usaha ini," kata Aidli Mosbit.

Identiti Kreatif dan Seranta Bulan Bahasa 2024

Identiti Kreatif Bulan Bahasa tahun ini seiring dengan fokus terhadap belia. Kali ini, identiti kreatif memaparkan bentuk-bentuk huruf yang mengandungi bayangan artifak dan kegiatan budaya yang sering melibatkan belia. Melalui gambaran dinamik ini, kami mengajak orang ramai untuk mentafsir apa yang mereka lihat daripada bayangan tersebut.

Sebagai contoh, huruf 'A' dalam perkataan 'Cita' menggambarkan gambaran sebuah gasing. Manakala huruf 'I' dalam perkataan 'Citra' memperlihatkan bentuk sebuah congkak dan huruf 'T' dalam perkataan 'Cinta' menampilkan bayangan sebilah keris. Motif songket Melayu yang dipanggil bintang bunga juga digunakan sebagai tanda titik di hujung setiap perkataan.

Dengan ini, bahasa Melayu dapat dilihat sebagai sesuatu yang tidak statik dan sentiasa berkembang walaupun tetap berpegang kepada tradisi.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024



Identiti Kreatif baharu ini akan tampil dalam seranta Bulan Bahasa 2024. Tahun ini, fail-fail akan disediakan untuk diberikan kepada peserta-peserta Bulan Bahasa melalui rakan-rakan kerjasama. Pelekat-pelekat dalam saiz A5 yang menampilkan frasa-frasa jenaka dalam bahasa Melayu juga akan disediakan bagi rakan kerjasama yang akan menganjurkan program untuk pelajar.

Sila rujuk **Lampiran B** untuk identiti kreatif Bulan Bahasa dan **Lampiran C** untuk gambar seranta-seranta ini.



Lampiran A: Duta Bahasa 2024

Dr Fadzil Hamzah



Dr Fadzil Hamzah merupakan seorang doktor dan pakar kanan di Jabatan Perubatan Sukan dan Senaman di Hospital Besar Changi. Beliau juga menggalas tugas sebagai ketua operasi bagi Pusat Perubatan Sukan dan Senaman Singapura di Hospital Besar Singapura. Selain itu, beliau juga menjaga kesihatan olahragawan Singapura.


Sebagai seorang yang menitikberatkan kecerdasan minda dan kecergasan badan, Dr Fadzil sentiasa mendorong masyarakat untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang kesihatan. Di luar pekerjaan beliau, Dr Fadzil juga meluangkan masa untuk melibatkan diri dalam pelbagai inisiatif masyarakat. Beliau seorang ahli Persatuan Profesional Penjagaan Kesihatan Muslim (MHPA) Singapura dan merupakan ketua penjagaan kesihatan M³ di daerah Bedok dan Tampines. Selain itu, beliau juga berkhidmat sebagai ahli lembaga di Yellow Ribbon Singapore (YRSG), Akta Kesihatan Mental (Penjagaan dan Rawatan), Pusat Dialisis Persatuan Dana Amanah Muslim (MTFA) dan pemimpin akar umbi dalam Jawatankuasa Perundingan Rakyat Tampines Central.

Sebagai seorang Duta Bahasa, Dr. Fadzil berharap untuk bekerjasama dengan seluruh lapisan masyarakat. Melalui penguasaan bahasa Melayunya, Dr Fadzil dapat berhubung dengan semua lapisan generasi dengan berkesan, sambil meningkatkan kesedaran mereka terhadap kesihatan dan kesejahteraan tubuh mereka. Beliau merupakan doktor keempat yang akan dilantik sebagai Duta Bahasa selepas Dr. Jazlan Joosoph, Dr. Elly Sabrina dan Dr. Nur Farhan Alami.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024



Duta Bahasa yang Dilantik Sejak Tahun 2010




Sentiasa dalam Ingatan / In Remembrance:
Asmah Laili & Riz Sunawan

Pengumuman Media

Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024



Duta Bahasa dalam Bidang Masing-Masing:

Karyawan (Perundangan, Perubatan & Perniagaan)	Sastera & Seni	Media & Personaliti	Ahli Akademik & Asatizah
<p>1. Rahayu Mahzam 6. Dr Nur Farhan Alami 2. Suhaimi Salleh 7. Dr Fadzil Hamzah 3. Dr Jazlan Joosopph 4. Dr Elly Sabrina 5. Zhulkarnain Abdul Rahim</p> 	<p>1. Noshin Putri Adel 2. Munirah Jaafar 3. Aidli Mosbit 4. Siti Zahidah 5. Asnida Daud 6. Chempaka Aizim 7. Megat Firdaus</p> 	<p>1. Jumaini Ariff 2. Aqmal Noor 3. Nabilah Jalal 4. Marina Yusoff 5. Afi Hanafi 6. Syafiqah 'Adha</p> 	<p>1. Taufik Batisah 2. Zaza Majid 3. Hisyam Hasim 4. Dyn Norahim 5. Khairudin Saharom 6. Imran Ajmain 7. Daud Yusof 8. Nurul Aini 9. Zaibaktian 10. Ramli Sarip 11. Fiza O</p>  <p>12. Hairianto Diman 13. Siti Khalijah 14. Dzar Ismail 15. Bakti Khair 16. Farhana M Noor 17. Shahrizal Salleh 18. Sujimy Mohd 19. Hyrul Anuar 20. Fir Rahman 21. Hans Hamid 22. Nursha Ismail</p> 

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024



Lampiran B

Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2024



**Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024**



Lampiran C

Bas Bulan Bahasa



Pelekat dan Fail Bulan Bahasa



Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 12 Julai 2024



~~~

### **Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsuri [mbms.sg](http://mbms.sg), @bulanbahasa di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).